

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (85)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2014/2014-2015)
BILANGAN 10 TAHUN 2014**

Tarikh	: 21 November 2014 (Jumaat)
Masa	: 10.00 Pagi – 12.32 Petang
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Oktober dan November tahun 2014.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

Sebelum menyampaikan perutusan beliau mengucapkan selamat datang kepada Ahli Majlis baru (seramai enam (6) orang).

3.1 FUTURE CITIES ASIA 2014

Future Cities Asia 2014 yang baru berlangsung di Hong Kong telah merumuskan bahawa bagi meningkatkan dayasaing dan dayahuni masa akan datang, bandar raya mestilah pintar ataupun **smart** dari segi ekonomi, kehidupan, mobiliti, insan, governan dan berkarbon rendah. Bagi tujuan tersebut, tanda aras amalan baik bandar raya



sedia ada telah diambil. Ini termasuk ekonomi pintar di Singapura, kehidupan pintar di Vancouver, mobiliti pintar di Lie, Perancis, insan yang pintar di Amsterdam, governan di Helsinki dan berkarbon rendah di Copenhagen. ICT dijangka menjadi pendorong utama disebabkan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang pantas dan pintar, di samping aspirasi penduduk menghendaki keberkesanan kos dalam kehidupan dan pekerjaan. Tambahan lagi, cabaran isu perubahan iklim dan bencana alam menyebabkan membuat keputusan yang lebih cepat dengan data yang komprehensif. Seiring itu, telah diunjurkan bahawa tahap kejayaan sesebuah bandar akan bergantung kepada kemampuan dan kepintaran PBT menggunakan **ICT, big data, clouding service dan kapasiti** semua pihak.

3.2 THE YOUTHFUL CITIES INDEX 2014

The Youthful Cities Index 2014 yang mengambilkira 16 kategori, 80 indikator sedunia dan 2000 jenis data telah menyenaraikan Toronto, Berlin dan New York di tiga tangga teratas. Toronto mencatat markah sebanyak 843.85 berbanding dengan Berlin, 836.44. Tokyo di tangga ke sembilan merupakan bandar yang paling tinggi di Benua Asia. Indeks ini meninjau kategori pengangkutan, alam sekitar, ruang awam, ekonomi, makanan, muzik dan kesenian, kepelbagaiannya, penyertaan awam daripada sudut pemuda. Indeks ini adalah unik kerana pemarkahan daripada sudut golongan muda memberi gambaran **futuristic** berkenaan dinamik, prospek dan kemampuan sesebuah bandar di masa depan.

Mengambil berat aspirasi golongan muda adalah mustahak kerana golongan berumur 18 tahun ke bawah merangkumi hampir 18% daripada populasi sedunia. Bagi golongan muda ini, pengangkutan awam, *walkability* dan kos transit di bawah kategori pengangkutan diberi tumpuan manakala di bawah kategori alam sekitar pula, kadar kitar semula dan kadar penjanaan karbon dioksida difokaskan. Oleh itu, bagi sesebuah bandar berhasrat mencapai kemampuan dan kualiti daya hidup yang lebih tinggi, maka aspek memenuhi aspirasi golongan muda hendaklah diberi keutamaan.

Ke arah itu, keperluan perancangan pembangunan dan penyediaan kemudahan PJ haruslah mengambilkira aspek tersebut. Sebagai contohnya penyediaan reruang awam yang mampu mencungkil inovasi semua segmen masyarakat di tempat tumpuan komuniti seperti di tempat membeli-belah, kolej dan *fast food chain*. Begitu juga dengan tahap keboleh-capaian internet dan berinteraksi antara generasi di tempat tumpuan golongan muda hendaklah diadakan.

'URBAN DESIGN' – KONSEP DAN PERANCANGAN

Salah satu halatuju Rangka Kerja Polisi Perancangan Strategik Bandaraya Petaling Jaya (*PJ Sustainable 2030*) adalah Habitat Kita: Menjadikan Petaling Jaya Sebagai Bandaraya Indah dan Berdayahuni.

Ke arah mencapai halatuju tersebut, Reka bentuk Bandar menjadi elemen penting perancangan dalam usaha menjadikan bandar raya kita lebih berimej, unik dan berdayahuni seperti kebanyakan bandar raya-bandar raya lain di dunia.

Matlamat utama Reka bentuk Bandar adalah mewujudkan suatu bentuk fizikal Bandar dan menghubung kaitkan antara bentuk fizikal dan hubungan manusia. Reka bentuk Bandar mencakupi aspek yang luas dan holistik termasuk persekitaran bandar, kejiranan dan ruang-ruang awam.

Cabaran Reka bentuk Bandar adalah menjadikan "**public spaces**" (*ruang awam*) into "**peoples space**" (*ruang manusia*). Di antara tindakan yang diperlukan adalah dengan mewujudkan taman awam, taman bandaran, *pocket parks*, *urban sculptures*, *water features*, *public building*, pengangkutan awam dan bangunan-bangunan kerajaan serta mewujudkan '*high quality built up form*' bagi bangunan dan juga fungsi sesbuah bangunan.

Rekabentuk Bandar juga perlu menghasilkan sebuah bangunan yang cantik di samping menyediakan ruang di antara bangunan yang akan menjadi ruang untuk manusia (*create space between the buildings*) seperti tasik bandaran, boulevard, *street mall* serta tempat-tempat bersejarah dan unik seperti *Old Town*.

Di dalam usaha mewujudkan Rekabentuk Bandar yang *vibrant*, dinamik, unik dan kreatif, kita perlu memberi pendedahan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses Rekabentuk Bandar termasuk di peringkat perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pemprosesan.

Satu bengkel yang melibatkan pasukan teknikal daripada 4 profession iaitu Perancang Bandar, Rekabentuk Bandar, Kejuruteraan dan Lanskap telah diadakan selama setengah hari yang memberi pendedahan terhadap bidang rekabentuk Bandar secara teori serta perkongsian pengalaman bandar-bandar terkemuka bagi yang telah mencapai tahap '*Sustainable in the World*' seperti Melbourne, Vancouver dan lain-lain.

Bengkel selama setengah hari ini telah dikendalikan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan dengan kerjasama IZM Consult iaitu Perunding Perancang Bandar yang bertanggungjawab menyediakan *Kuala Lumpur Urban Design Guidelines*.

Bengkel ini telah mencadangkan supaya Garis Panduan terperinci disediakan bagi satu projek perintis di Petaling Jaya. Kawasan Seksyen 13 telah dipilih sebagai kawasan perintis memandangkan terdapat cadangan pembangunan semula di kawasan tersebut melalui Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13 dan telah mempunyai garispanduan secara umum.

Kajian Rekabentuk Bandar adalah sangat bersesuaian untuk dilaksanakan di kawasan ini bagi menghasilkan garispanduan terperinci yang akan menjadi asas panduan kepada para pemaju supaya hasrat untuk menjadikan Seksyen 13 sebagai satu kawasan yang lebih berimej, unik, berkarakter, selamat dan kreatif akan dapat dicapai.

Garis panduan terperinci ini antara lainnya mengandungi cadangan '*city built form*', '*city linkages*' seperti jalan, *skybridge* dan laluan pengangkutan awam dengan memberi penekanan terhadap pengguna berjalan kaki dan berbasikal. Selain daripada itu, garis panduan ini akan mengandungi komponen '*city treatment*' (lanskap, perincian senibina, bahan binaan dan kemasan, perabot jalan, papan tanda dan elemen keselamatan) serta kaedah pengurusan dan pemantauan pelaksanaan garis panduan rekabentuk bandar.

3.4 MBPJ JALIN KERJASAMA DENGAN BANDARAYA ASAN, KOREA

Delegasi Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang diketuai oleh Datuk Bandar, 3 orang Ahli Majlis serta 6 pegawai Majlis telah mengadakan lawatan rasmi ke Bandaraya Asan, Korea Selatan pada 12 - 16 November 2014. Bandaraya Asan merupakan bandaraya terkenal dengan kawasan perindustrian berteknologi tinggi dan kawasan tarikan pelancongan iaitu 'Hot Spring' dan kawasan perkampungan tradisional. Kunjungan rasmi ke Bandaraya Asan adalah bagi memeterai 'LOI'- Letter Of Intent dan lawatan teknikal dari aspek Perancangan Bandar, Rekabentuk Bandar, Pengurusan Sisa Pepejal, Pembangunan Komuniti Bandar, Sosial dan Kebudayaan.

Pemeteraihan Perjanjian *Friendship Cooperation* ini telah disempurnakan di Pejabat Rasmi Asan City Hall, antara Datuk Bandar Asan dan Datuk Bandar Petaling Jaya pada 13 November 2014 dan disusuli upacara penanaman pokok sebagai simbol

persahabatan di Gokgyo Cheon Community Sport Park. Dengan terjalinannya perjanjian ini, telah terpahat satu sejarah, dimana MBPJ merupakan Pihak Berkuasa Tempatan pertama di peringkat rantau Asia yang telah mewujudkan hubungan antarabangsa dua hala dengan Bandaraya tersebut.

Semasa di Bandaraya Asan, delegasi juga telah berpeluang melawat ke Onyang Folk Museum, Asan Environment and Science Park, Oeam Traditional Folk Village dan Lifelong Learning Center. Semestinya, lawatan ini amat bernali, jelas pembelajaran yang diperolehi sepanjang lawatan adalah:-

- i. Melihat konsep rekabentuk dan ruang spatial yang disusun dengan mengikut peredaran zaman dalam aspek kebudayaan, sosial dan pertanian oleh masyarakat Korea di Onyang Folk Museum agar generasi ‘Y’ masa kini tidak lupa adat budaya mereka.
- ii. Konsep perancangan rekabentuk dan penglibatan dalam memberi insentif kepada masyarakat sekitar dan bandar Asan di Asan Environment & Science Park berkeluasan 20 ekar merupakan pusat sains dan alam sekitar yang mempunyai “Incinerator” bernilai RM240 juta dan mampu melupuskan sebanyak 200 tan sampah sehari.

Selain daripada itu, terdapat kemudahan bangunan “Green Tower, Life Resource Treatment Plant, Botanical Garden, Jang Young- Sil Science Museum and Cultural Center merupakan satu pendekatan yang pro-aktif oleh Bandaraya Asan dalam memberi keyakinan dan persepsi masyarakat berhubung pembinaan ‘Incinerator’.

- iii. Perancangan melalui pengekalan bangunan - bangunan lama di Oeam Traditional Folk Village merupakan perkampungan tertua di Bandaraya Asan berusia lebih 500 tahun. Kini ianya telah dijadikan sebagai tumpuan pusat pelancongan dan *homestay* kepada pengunjung untuk merasai suasana desa terutamanya di musim panas.
- iv. Pembelajaran melalui program “Lifelong Learning Centre’ yang beroperasi pada tahun 2011 dan ‘Women Hall’ pada tahun 1992 yang merupakan ‘best practises’ oleh Bandaraya Asan memberi perkhidmatan melalui program-program untuk golongan dewasa serta kursus pendek kepada masyarakat Bandaraya Asan ke arah kerjaya separuh mahir dan mahir. Kemudahan bilik-bilik kelas, ruang rekreasi, pusat jagaan kanak-kanak boleh dirancang dengan secukup dalam satu

bangunan yang luas, sama ada yang menyediakan kemudahan pembelajaran kepada semua peringkat golongan umur untuk komuniti bandar raya tersebut.

Melalui hubungan dua hala ini akan memberi manfaat kepada peringkat pengurusan MBPJ khususnya dan penduduk Petaling Jaya amnya bagi menikmati kerjasama yang diwujudkan. Sebagai kunjungan balas, Delegasi Bandaraya Asan dijangka akan mengunjungi Bandaraya Petaling Jaya pada bulan April atau Mei 2015 bagi memeterai ‘Perjanjian Sister City’ dengan MBPJ.

Seperti petikan dari **Jack Welch** yang merupakan pengarang perancang strategik di Amerika Syarikat iaitu “**AN ORGANIZATION’S ABILITY TO LEARN, AND TRANSLATE THAT LEARNING INTO ACTION RAPIDLY, IS THE ULTIMATE COMPETITIVE ADVANTAGE**” sebagai motivasi kepada pihak pengurusan MBPJ untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan serta sejajar dengan perinsip-perinsip yang digariskan dalam Perancangan Strategik MBPJ 2010 -2015 .

3.5 SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA SEDUNIA

Hari Kitar Semula Sedunia yang disambut pada setiap 15hb November bertujuan memberi kesedaran kepada kita bahawa pentingnya kitar semula untuk memelihara bumi.

Justeru itu, pemahaman dan amalan kitar semula perlu dilaksanakan oleh semua lapisan masyarakat bagi memastikan bumi yang dihuni tidak dibanjiri dengan longgokan sampah. Menyemai pemahaman dan amalan ini adalah langkah penting bagi memastikan pemeliharaan alam sekitar akan tetap berterusan seiring dengan pemodenan dan pembangunan yang dikecapi.

Bagi sambutan tahun ini, Jabatan Kesihatan Persekutuan telah bekerjasama dengan CRC (Community, Recycle, Charity) sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang menjalankan aktiviti kitar semula sejak tahun 2009. Program yang mensasarkan aktiviti kesedaran di peringkat sekolah ini memfokuskan aktiviti reka cipta monumen dari bahan-bahan kitar semula. Ini sekaligus memberi peluang kepada pelajar-pelajar mengasah kreativiti dengan memanfaatkan barang kitar semula. Kesedaran awal sebegini diharapkan dapat mematangkan minda dan menjadikan pelajar lebih peka terhadap isu semasa. Program ini diharap akan dapat menyemai dan membudayakan amalan kitar semula di peringkat sekolah. Kerjasama ini akan diteruskan dan diperluaskan dengan lain-lain pertubuhan berkaitan, untuk memastikan misi pendidikan kitar semula ini berterusan dan mendatangkan hasil pada masa hadapan.



Selain dari itu, MBPJ juga menganjurkan program kitar semula sisa minyak masak sejak tahun 2011 dengan kerjasama Kris Biofuels Sdn Bhd. Pada tahun ini, terdapat peningkatan penyertaan, iaitu jumlah kutipan minyak masak terpakai yang tinggi, menunjukkan komitmen yang semakin kukuh dalam membantu mencegah pencemaran bahan buangan ke dalam sistem saliran dan kumbahan serta alam sekitar.

Skop kitar semula sebenarnya lebih meluas meliputi membeli produk yang boleh dikitar semula atau menggunakan produk daripada bahan kitar semula. Aktiviti ini sekaligus dapat membantu mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal. Di Negeri Selangor, kos pengurusan sisa pepejal telah mencecah sehingga RM400 juta setahun dan kos ini adalah tinggi. Melalui kitar semula banyak kos yang dapat dijimatkan dan hasil daripada penjimatan ini boleh digunakan untuk manfaat masyarakat.

Berdasarkan statistik komposisi pembuangan sampah di negara ini, yang tertinggi adalah sisa makanan iaitu 44.5 peratus diikuti plastik 13.8 peratus, lampin pakai buang 12.1 peratus dan sisa taman sebanyak 5.8 peratus. Hasil kajian juga mendapati setiap individu membuang sampah sebanyak 0.8 kilogram sehari, jadi bayangkan berapa banyak sampah yang dibuang oleh 28 juta penduduk negara ini dalam masa sehari.

Mengikut kajian *National Strategic Plan for Solid Waste Management*, kadar kitar semula bagi sisa pepejal di negara ini adalah sangat rendah iaitu sekitar 5% daripada jumlah keseluruhan sisa pepejal. Peranan semua pihak amat dituntut untuk mencapai sasaran kerajaan iaitu sebanyak 22 peratus pengurangan sisa pepejal melalui pelaksanaan kitar semula.

Program kitar semula di MBPJ sudah sekian lama dijalankan dengan kerjasama penduduk, NGO dan syarikat swasta. Sehingga bulan Oktober 2014 Majlis telah berjaya mengumpulkan sebanyak 486,807.5 kilogram bahan kitar semula, di samping 10,789.35 kilogram minyak masak terpakai untuk dikitar semula menjadi biodiesel. Sasaran tahun ini MBPJ menjangkakan sebanyak 800,000 kilogram barang kitar semula dan 30,000 kilogram minyak masak dikutip daripada sekolah, persatuan penduduk, restoran dan jabatan dalam Majlis untuk menjayakan program ini. Untuk kemudahan orang ramai, Majlis juga telah menempatkan tong-tong kitar semula di 56 lokasi terpilih sekitar Petaling Jaya seperti sekolah-sekolah, jabatan kerajaan, universiti, hotel dan sebagainya di samping lori-lori kempen kitar semula di lokasi-lokasi yang dikenal pasti secara berkala.

3.6 HENTIAN BAS JALAN OTHMAN DINAIKTARAF

Bagi memenuhi keperluan hentian akhir bas yang lebih selesa, Majlis akan menaiktaraf stesen Perhentian Bas Jalan Othman. Stesen bas ini akan dilengkapi segala kemudahan yang diperlukan bagi sesbuah bangunan terminal bas yang memberi keselesaan kepada pengguna serta menghidupkan semula nilai komersil di kawasan tersebut. Komponen yang terkandung ini adalah seiring dengan matlamat Majlis untuk mewujudkan Bandar Bebas Halangan dan Bandar Lestari.

Pelaksanaan projek ini memberi tumpuan menghidupkan semula kawasan tersebut dari segi nilai komersil kerana melihat situasi sedia ada yang kurang berdaya saing malah menjadi tempat masalah sosial di stesen bas tersebut.

Pelaksanaan projek hab bas ini telah bermula pada 25 September 2014 dan dijangka akan siap pada 25 Mac 2015. Berkeluasan 2,300 m², bangunan ini akan direkabentuk dengan ciri-ciri Green Building Index serta rekabentuk sejagat (*universal design*) seperti pencahayaan semulajadi (*natural lighting*), sistem pengudaraan semulajadi, penanaman pokok di sekeliling bangunan secara *vertical landscape*, penggunaan sistem air hujan (spah) bagi tujuan landskap, circulation bagi memudahkan semua pengguna, tempat letak kereta OKU yang berdekatan dengan laluan masuk dan berbumbung serta kemudahan lain yang berkaitan.

3.7 GEMPUR KAFE SIBER JUDI DIPERTINGKATKAN

Aktiviti permainan komputer dan melayari internet menjadi kegilaan sebahagian besar anak-anak remaja, khususnya semasa di hujung minggu dan cuti sekolah. Kecenderungan golongan belia yang ketagihan internet ini akan menyebabkan mereka lebih terdedah kepada permasalahan psikososial terutamanya kegiatan judi di laman sesawang. Isu ini dilihat sebagai satu daripada ancaman sosial yang harus dibendung dari akar umbi dan perlu mendapat kerjasama daripada semua pihak.

Menurut Kajian Yayasan Annenberg di Amerika Syarikat (AS) menunjukkan lebih kurang 600,000 remaja berumur 14 hingga 22 tahun mengaku berjudi di Internet setiap minggu. Situasi ini mungkin juga berlaku di Malaysia. Jika dahulu ketagihan judi internet biasanya menjadi masalah di kalangan orang dewasa, kini ia menular kepada golongan kanak-kanak dan remaja berikutkan kewujudan sesetengah kafe siber yang menyediakan perkhidmatan judi secara haram.

Menurut klasifikasi DSM-IV (Diagnostic and Statistical Manual of Mental) oleh American Psychiatric Association, masalah ketagihan berjudi tergolong dalam jenis penyakit mental yang dinamakan *impulse control disorder* dan pesakit sekurang-kurangnya mempunyai lima daripada ciri berikut iaitu, mempunyai ingatan sangat kuat untuk berjudi, sentiasa meningkatkan jumlah pertaruhan untuk memenangi wang lebih besar atau menebus kekalahan berjudi, kerap gagal untuk berhenti atau mengurangkan aktiviti perjudian, menjadi resah dan mudah marah apabila cuba untuk berhenti, dan berjudi untuk menyelesaikan masalah kewangan atau berharap untuk menghiburkan hati dengan hasil wang kemenangan.

Kegiatan judi internet tidak seperti di kasino, kerana kos menjalankan premis ini adalah rendah dan dianggarkan sebanyak RM300.00 hingga RM500.00 bagi seunit komputer yang dibawa daripada negara luar. Hal ini menyebabkan pemilik kafe siber yang menjalankan aktiviti judi mendapat keuntungan ribuan ringgit dan tidak serik membuka premis walaupun sudah beberapa kali diserbu. Apa yang dikhuatir Majlis mengenai pusat judi ini, ia juga dijadikan tempat melakukan maksiat dan penagihan dadah. Keadaan ini jelas, mengakibatkan gejala yang merosakkan remaja dan lebih memburukkan, mereka akan cenderung terlibat dengan aktiviti jenayah.

Bagi membendung kegiatan ini, Majlis berusaha mempergiatkan operasi. Dari bulan Januari hingga November 2014, Majlis telah melaksanakan 903 operasi dan 778 sitaan terhadap premis yang melanggar undang – undang. Operasi bersepadu ini mendapat kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Agama Islam Selangor, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Pejabat Daerah Tanah Petaling dan lain-lain agensi berkaitan.

3.8 **MEMPERKASA PERKHIDMATAN ASAS**

Beliau juga ingin menegaskan bahawa YAB. Dato' Menteri Besar Selangor telah memberikan cabaran besar kepada Pihak Berkuasa Tempatan iaitu menyelesaikan isu kutipan sampah sama ada sampah domestik, sisa pepejal dan sampah pukal di kawasan PBT masing-masing dan penyelenggaraan jalan rosak sehingga hujung tahun ini, bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya. Bagi tujuan ini, Majlis telah mengambil tindakan segera yang berikut :

3.8.1 Peronda Jalanraya (Road Gang) Tumpu Baiki Jalan Rosak.

Mewujudkan 6 peronda jalan raya atau *Road Gang* di bawah Jabatan Kejuruteraan, yang akan memantau dan mengambil tindakan pembaikan menurap atau menampal semua kerosakan jalan di Petaling Jaya. Rondaan dan pemantauan akan dilaksanakan setiap hari mengikut zon. Pembahagian kawasan adalah seperti berikut:-

- Kawasan Seksyen – 2 pasukan
- Kawasan SS – 2 pasukan
- Kawasan PJS – 1 pasukan
- Kawasan PJU – 1 pasukan

Pasukan petugas telah dikehendaki melaporkan tindakan pembaikan yang telah diambil dan kerja-kerja mestilah dilaksanakan dengan kualiti yang baik. Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk kerja-kerja menampal jalan berlubang.

Dalam masa yang sama, Majlis memberi peringatan keras kepada semua syarikat utiliti yang terlibat dengan pengorekan jalan Majlis, penurapan semula jalan yang telah dikorek hendaklah dilakukan dan diselesaikan dengan kualiti kerja yang baik. Majlis tidak akan berkompromi lagi dengan kualiti kerja yang rendah.

3.8.2 Pengurusan Sampah dan Pembersihan Awam

Bagi pengurusan sampah, untuk jangkamasa pendek sehingga penghujung tahun 2014, Majlis memperketatkan pemantauan terhadap prestasi kerja 144 kontraktor yang telah dilantik, dengan memberi kepada keutamaan pematuhan jadual kutipan sampah yang telah ditetapkan di semua premis. Fokus Majlis juga terhadap tindakan pengawalan dan penguatkuasaan tempat pembuangan sampah haram, pembersihan kawasan, longkang besar, log boom dan jalan protokol.

Pada bulan Oktober 2014, Majlis juga telah meluluskan satu Dasar dan Garis Panduan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu. Garis Panduan tersebut mengambilkira keperluan-keperluan pencegahan penjanaan sampah di peringkat perancangan, pembinaan, kependudukan, pelesenan dan operasi serta pengurusan sisa yang efisyen menerusi prinsip 3R (Reduce, Reuse and Recycle), “broken window principle” dan “polluter pay”.

3.9.1 Halangan Dan Kesalahan Letak Kenderaan Berlapis

Seiring dengan arus pembangunan, Petaling Jaya telah berkembang pesat menjadi sebuah bandar raya yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Setiap hari berlalu pantas dengan kenderaan yang bertali arus datang dan pergi untuk berurusan di Pusat Bandar Petaling Jaya.

Secara tidak langsung pengguna jalan raya bertambah saban hari, menjadikan Petaling Jaya sebagai pusat tumpuan untuk kegiatan sosio ekonomi masyarakat.

Keadaan ini telah menimbulkan kesukaran kepada pengguna kenderaan awam apabila segelintir pihak yang meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak sepatutnya tanpa mempedulikan kepentingan pengguna lain. Mereka meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan dan tidak kurang juga yang meletak kenderaan secara berlapis (double parking). Hal ini bukan sahaja menimbulkan kesulitan dan kemarahan pengguna kenderaan yang lain tetapi turut membebankan banyak pihak.

Menyedari masalah yang timbul, Majlis telah melaksanakan inisiatif untuk mengurangkan masalah dengan melaksanakan tindakan tunda dan kapit kenderaan bermotor yang melakukan kesalahan seperti menghalang lalulintas, meletakkan kereta di luar kotak dan meletak kenderaan di kawasan zon tunda.

Kenderaan yang ditunda akan diberi tempoh selama 14 hari, jika tidak dituntut selama tempoh berkenaan ianya akan diserahkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut. Pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan lebih dari tempoh yang ditetapkan akan menerima kompaun maksimum sebanyak RM100.00, manakala bagi kenderaan yang diletakkan diluar petak akan dikenakan kompaun maksimum RM300.00.

Selain itu, masih terdapat kenderaan berat yang memasuki zon larangan seperti kawasan Pusat Bandar, walaupun arahan telah dikeluarkan dan dipamerkan menerusi papan-papan tanda. Tambah merumitkan keadaan, apabila ada sesetengah individu yang bertindak menghentikan kenderaan di bahu-bahu jalan untuk berurusan di premis berdekatan.

Kesemua kesalahan yang dinyatakan ini akan dikenakan tindakan kapit dan tunda serta merta. Tindakan ini dilakukan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat melalui penguatkuasaan undang-undang yang digariskan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (MBPJ) 2007.

Majlis juga telah mengambil tindakan penguatkuasaan di sekitar kawasan tersebut. Bermula bulan Januari sehingga kini, sebanyak 522 kompaun dikeluarkan dan 18 kenderaan ditunda di kawasan Jalan Barat, manakala sebanyak 36 kenderaan telah dikompaun dan 1,334 kenderaan telah ditunda di kawasan Amcorp Mall. Sebanyak 20 kenderaan pula telah ditunda di kawasan pasar Old Town, Petaling Jaya.

3.9.2 Operasi Pusat Siber Kafe

Sepanjang bulan November 2014 pihak Majlis terus serius melaksanakan operasi Pusat Siber dan Kafe Siber tanpa lesen di sekitar Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Operasi pembaharuan lesen bersepadu bersama pihak Bomba dan Penyelamat Petaling Jaya dan Bahagian Pelesenan MBPJ telah dilaksanakan. Manakala 11 operasi berkala terus di laksanakan dan hasil tindakan tersebut hanya tindakan kompaun telah dikeluarkan.

Bagi membanteras serta membendung premis ini terus berleluasa menjalankan operasi perniagaannya, operasi dan tindakan penguatkuasaan yang berterusan dan konsisten akan terus dilaksanakan di bawah Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MBPJ) 2007. Jika sabit kesalahan pengusaha premis boleh dikenakan kompaun minimum RM1,000.00 dan maksimum RM2,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 9 TAHUN 2014 (SESI 2014/2015)

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 9 Tahun 2014 bertarikh 30 Oktober 2014 telah diluluskan tanpa pindaan.

4.2

MINIT MESYUARAT MAJLIS KHAS (BAJET 2015), MAJLIS BANDARAYA (SESI 2014/2015)

4.2.1 Minit Mesyuarat Majlis Khas (Bajet 2015) bertarikh 3 Oktober 2014 telah diluluskan tanpa pindaan.

4.3 MINIT MESYUARAT KHAS MAJLIS BILANGAN 4 TAHUN 2014 (SESI 2014/2015)

4.3.1 Minit Mesyuarat Khas Majlis bilangan 4 Tahun 2014 bertarikh 3 November 2014 telah diluluskan tanpa pindaan.

5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 9 TAHUN 2014 YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 OKTOBER 2014.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.4.2	<p>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 13 OKTOBER 2014.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Permohonan Encik Jeyaseelan a/l T. Anthony berkaitan tempoh pembersihan rumah terbiar oleh MBPJ adalah setiap dua (2) bulan sekali. - Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutuan hendaklah mengemukakan senarai rumah-rumah terbiar kepada Pejabat Tanah bagi tujuan lelongan. 	<p>Pemotongan rumput akan dijalankan setiap 2 bulan sekali dan berjadual.</p> <p>Sebanyak 13 alamat telah di hantar ke Pejabat Tanah Daerah untuk tindakan selanjutnya oleh Pejabat Tanah Daerah untuk tujuan lelongan.</p>



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	<ul style="list-style-type: none">- Pengarah Kesihatan Jabatan perlu mengadakan mesyuarat dengan Pejabat Tanah berkaitan prosedur lelongan rumah terbiar.	<p>Satu mesyuarat bersama pegawai dari Pejabat Tanah Daerah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ, serta Jabatan Perancang Bandar, MBPJ akan diadakan dalam tempoh masa terdekat berhubung prosedur lelongan rumah terbiar di kawasan MBPJ.</p>
7.1.2	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR LEE SUET SEN</p> <ul style="list-style-type: none">- Beliau mengulas bengkel yang dikendalikan oleh Encik Lee Lih Shyan adalah merupakan bengkel yang amat penting bagi perancangan penyelenggaraan sampah di Petaling Jaya dan perkara penting yang perlu diambil perhatian adalah jumlah sampah di Petaling Jaya bagi tujuan penyelenggaraan.	<p>Pelan tindakan 3 bulan bagi membersihkan kawasan dan juga menguruskan sampah secara lebih berkesan telah disediakan untuk pelaksanaan.</p> <p>Tindakan yang diambil termasuk pelantikan 17 kontraktor "back-up" bagi tempoh sehingga Januari 2015 seterusnya menggunakan peruntukan Marris sebanyak RM 2 juta bagi menyelenggarakan pokok liar dan terbiar, perolehan tong sampah bagi kawasan perumahan bertingkat dan "hot spot", perundingan dengan pemaju dan agensi bagi mencegah pembuangan sampah haram, pelaksanaan projek perintis "community empowerment" di kawasan SS22 serta tindakan ke atas pasar lambak/pasar malam yang terdapat di Petaling Jaya.</p>



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		Sementara itu, PJ Waste Summit 2014 yang meliputi Bengkel membincangkan inventori dan merangka pelan tindakan pembersihan dan pengurusan sampah bagi kawasan kejiranian, pameran dan seminar teknologi hijau sedang dirancang untuk diadakan pada pertengahan bulan Disember 2014.
7.2.1	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH <ul style="list-style-type: none">- Beliau berpendapat pelaksanaan Sistem Jalan Sehala ini perlu disemak semula dengan mengambil kira apa yang dibangkitkan oleh orang awam berkaitan keselamatan awam perlu diutamakan.	Semua masalah yang telah dibangkitkan oleh pengguna jalanraya khususnya dalam aspek keselamatan telah diambilkira dan dibincangkan di dalam sesi-sesi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Koordinasi Projek Sistem Jalan Sehala yang dipengerusikan oleh Timbalan Datuk Bandar dan sehingga kini Majlis bersama-sama dengan pihak Perunding dan juga Jawatankuasa Teknikal Koordinasi Projek sentiasa dari semasa ke semasa meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas aspek keselamatan sistem jalanraya.



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.2.2	<ul style="list-style-type: none">- Beliau turut mencadangkan agar MBPJ menyediakan satu (1) bilik gerakan bencana alam yang lebih sempurna dan lengkap dengan peralatan teknikal bagi tujuan pengendalian aduan bencana alam di Petaling Jaya.	Majlis telah menyediakan persiapan bagi menghadapi bencana alam terutamanya pada musim tengkujuh. Penyelarasan tugas melibatkan Jabatan Teknikal telah diadakan pada 17 November 2014.
7.3	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL</p> <ul style="list-style-type: none">- Beliau turut mencadangkan agar Majlis mewujudkan jawatankuasa teknikal untuk cerun Bukit Gasing bagi mengenalpasti masalah di kawasan tersebut.	<p>Pada dasarnya, Jabatan telah melantik perunding untuk menjalankan kajian pemetaan tahap bahaya dan risiko di setiap cerun di Bukit Gasing. Jabatan telah mengadakan 2 siri taklimat bersama penduduk bagi perkongsian maklumat, namun penyertaan penduduk amat mengecewakan.</p> <p>Walaubagaimanapun Jabatan bercadang untuk mengadakan taklimat semula bersama penduduk yang berada di Bukit Gasing bagi perkongsian maklumat tentang program kesedaran penyelenggaraan dan pemantauan cerun kepada penduduk setempat yang mendiami kawasan berisiko tanah runtuh.</p>



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		Jabatan juga telah mewujudkan satu unit cerun yang bertujuan untuk melaksanakan pemantauan, pemeriksaan, perancangan dan penyelenggaraan, bukan sahaja bertumpu di kawasan Bukit Gasing tetapi meliputi seluruh kawasan bukit atau tanah tinggi di Petaling Jaya.
7.6.2	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR - Isu bayaran termasuk sewa dan bil utiliti bagi Tadika Kemas yang beroperasi di dewan-dewan Majlis.	<p>Terdapat tiga buah tadika dan sebuah sekolah agama yang sedang beroperasi didalam kawasan perkarangan dewan Majlis seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none">i. Dewan PJS 6/3B kg. Lindungan.ii. Dewan PJS 10/1 Taman Dato' Hormat.iii. Dewan PJS 1/35 Petaling Utama.iv. Dewan PJS 4/27A Taman Lindungan Jaya. <p>Tujuan tadika dan sekolah agama ini adalah bagi membantu golongan yang berpendapat rendah untuk diberi pendidikan awal kepada anak-anak mereka di kawasan tersebut. Kesemua premis ini membayar bil-bil utiliti secara berasingan dengan bil-bil utiliti dewan-dewan Majlis dan ditanggung sepenuhnya oleh pihak tadika berkenaan.</p>



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.6.3	<ul style="list-style-type: none">- Beliau turut meminta agar Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan membuat operasi besi buruk di PJS bersama Pejabat Tanah.	Jabatan Penguatkuasaan telah melaksanakan operasi besi buruk di kawasan PJS 3 pada 28 Oktober 2014 dengan tindakan 3 sitaan. Pihak Majlis juga telah menghantar surat kepada Pejabat Tanah / Daerah Petaling bagi mengatasi permasalahan pencerobohan tanah kerajaan.
7.9.1	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN SIA SIEW CHIN <ul style="list-style-type: none">- Beliau mencadangkan sekiranya perkhidmatan bas percuma dipanjangkan ke SS 2, bas tersebut hendaklah mesra OKU.	Semua bas yang disediakan di dalam bas PJ City memang dilengkapi dengan kemudahan Orang Kelainan Upaya dan Jabatan ambil maklum akan keperluan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Majlis bagi perkhidmatan bas percuma sekiranya perkhidmatan ini dipanjangkan ke kawasan SS2.
7.9.2	<ul style="list-style-type: none">- Beliau berharap agar majlis menimbangkan permohonan jejantas mesra OKU di SS 2/24 sebagaimana keratan akhbar The Star bertarikh 27 Oktober 2014.	Kos bagi mengadakan kemudahan Orang Kelainan Upaya pada jenjantas pejalan kaki sedia ada akan melibatkan kos yang tinggi kerana pilihan yang ada adalah dengan mengadakan kemudahan lif atau "ramp" OKU yang mana kedua-dua pilihan ini akan melibatkan kos pembinaan yang tinggi. Pembinaan "ramp" adalah bergantung kepada kesesuaian dan ruang bahu jalan sedia ada dan berdasarkan kepada keadaan sedia ada di tapak. Cadangan ini didapati tidak sesuai.



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		Sebagai alternatif Jabatan mencadangkan supaya diadakan lintasan pejalan kaki jenis "raised crossing" dengan kelebaran 10 meter dilengkapi dengan lampu isyarat lintasan pejalan kaki (push button) dibina sepanjang jalan yang sesuai bagi tujuan ini yang mana di jangka lebih kos efektif dan lebih praktikal digunakan oleh golongan Orang Kelainan Upaya.
7.10.2	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK <ul style="list-style-type: none">- Beliau turut mengulas perutusan dari YBhg. Datin Paduka Pengerusi berkenaan bajet bertemakan budaya menyelenggara di mana menurut beliau di Taman Datuk Harun dan Taman Medan kerap berlaku banjir. Di hadapan Sekolah Taman Datuk Harun kerap berlaku banjir walaupun longkang telah diselenggara. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar majlis mengenalpasti apakah masalah yang menyebabkan banjir.	<p>Punca Taman Datuk Harun dan Taman Medan kerap berlaku banjir:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Longkang yang menghalang ke Lot pemaju masih lagi longkang tanahb) Longkang Majlis yang baru dibina tidak dapat dilaksanakan hingga ke longkang utama kerana akan masuk ke Lot pemajuc) Apabila hujan lebat, kawasan tersebut yang asalnya kolam takungan/tasik yang telah ditimbus oleh pemaju untuk tujuan pembangunan.d) Air tidak dapat bergerak ke longkang sedia ada. <p>MBPJ telah turun padang untuk mengenalpasti punca masalah dan akan berbincang dengan pemaju bagi mengatasi masalah untuk jangka masa panjang.</p>



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.11.2	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAYUDDIN Beliau turut memaklumkan berkaitan rungutan kakitangan Majlis yang tidak dapat meletakkan kenderaan di petak letak kereta yang disediakan di hadapan Klinik MBPJ.	Jabatan Penguatkuasaan telah menyelaras tugas tersebut bersama pengawal keselamatan bagi menutup parking tersebut pada waktu malam dan pemantauan dijalankan bagi mengelakkan kenderaan penduduk diletakkan di kawasan tersebut memandangkan kawasan parking tersebut adalah merupakan parking terbuka.
7.12.1	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING - Beliau turut memaklumkan terdapat jalan berlubang besar di Bandar Utama (BU 1/1) dan meminta agar tindakan segera dibuat.	Setelah semakan dibuat oleh pihak IWK, didapati terdapat paip IWK yang telah pecah. Kerja-kerja pembaikan telah pun dibuat dan kerja "patching" akan dibuat dalam tempoh yang dijangka siap pada 20 November 2014.
7.12.3	- Isu di Pasar Sg. Way beliau mencadangkan agar perkara-perkara di bawah diambil tindakan kerana kejadian di atas berulang semula iaitu:-	



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	<ul style="list-style-type: none">a) Memasang 'bollard' bagi menghalang penunggang motorsikal masuk ke dalam kawasan pasar.b) Membersihkan struktur haram ditangga agar tidak menghalang laluan awam.c) Merobohkan binaan stor haram.	<p>Jabatan Kejuruteraan akan menyemak kesesuaian pemasangan bollard di kawasan tersebut dan tindakan sementara bagi mengelakan penunggang motorsikal mamasuki kawasan pasar tersebut, Jabatan akan meletakan konkrit barrier untuk sementara sehingga bollard siap dipasang.</p> <p>Berhubung pembinaan struktur haram di tangga /stor haram, pegerai telah diberi notis untuk meroboh sambungan tanpa kebenaran pada 17.11.2014. (NotisNo. K10388, K10389, K10390, K11626, K11625 dan K11627)</p> <p>Didapati pegerai gagal mematuhi notis dan telah diberi surat tunjuk sebab dalam tempoh 14 hari mengapa lesen beliau tidak boleh dibatalkan. (show cause) bertarikh 17.11.2014 kerana gagal mematuhi notis Majlis. Seterusnya tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh Majlis sekiranya pegerai gagal mematuhi notis.</p>



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.14	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH <ul style="list-style-type: none">- Beliau turut memaklumkan kejadian banjir di pejabat Ahli Majlis di mana menurut beliau longkang di belakang dewan tersebut telah dibesarkan dan diselenggara akan tetapi tetap berlaku banjir.	Longkang besar di belakang dewan Seri Setia SS9/10 telah dibesarkan tetapi banjir masih berlaku. Jabatan akan menyemak perkara tersebut dan laporan akan dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas bulan hadapan. Walaubagaimanapun tindakan pembersihan akan dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut.
7.15.2	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD <ul style="list-style-type: none">- Beliau menyokong perutusan YBhg. Datin Paduka Pengurus mengenai tema bajet 2015 iaitu Amalan Budaya Menyelenggara dan berharap agar tindakan penguatkuasaan turut ditingkatkan terutama ke atas restoran-restoran yang mengotorkan dan merosakkan longkang di belakang kedai.	Operasi dan pemeriksaan berkala sentiasa dijalankan oleh Unit Pelesenan, Jabatan Kesihatan Persekutaran dan akan ditingkatkan kekerapannya dari masa ke semasa. Mulai tahun 2015, operasi penguatkuasaan dan pendidikan tentang kebersihan premis makanan dan pemantauan yang kerap juga akan dijalankan dari masa kesemasa oleh Majlis.



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.15.3	<ul style="list-style-type: none">- Selain daripada itu, beliau berharap agar Majlis mengambil tindakan ke atas iklan-iklan haram yang semakin berleluasa di Petaling Jaya diambil.	<p>Dari segi penguatkuasaan oleh Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, bermula Januari sehingga 16 November 2014, sebanyak 568,182 pelbagai iklan tanpa lesen telah diturunkan oleh pihak Majlis. Sebanyak 3,317 talian telefon bagi kesalahan mengantungkan iklan tanpa lesen melibatkan poster ah long, iklan barang seks telah dihantar kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 180 talian telefon telah berjaya dipotong oleh pihak SKMM.</p> <p>Sementara itu di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar yang bersidang pada 17.11.2014 telah bersetuju agar Jawatankuasa Teknikal Penguatkuasaan dan Pemantauan Iklan Tanpa Kebenaran di Petaling Jaya diaktifkan bagi menjalankan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan ke atas iklan-iklan haram. Jawatankuasa Teknikal ini akan dipengerusikan oleh Ahli Majlis, Encik Tang Fuie Koh.</p>



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.15.3	- Berkaitan isu sampah haram, jawatankuasa teknikal hendaklah membincangkan cara mengatasi dan mengambil tindakan ke atas perkara ini.	Jawatankuasa Kecil Sampah Haram yang mengadakan mesyuarat bulanan meninjau masalah tersebut daripada berbagai perspektif. Ini termasuk pembuangan sampah haram di dalam kawasan persendirian yang belum dimajukan yang mana mesyuarat bersama pemaju dan agensi diadakan untuk tindakan pembersihan serta langkah pencegahan pembuangan sampah di kawasan awam. Antara contoh termasuk mendirikan tembok bahan binaan dan meletakkan penghalang trafik bagi menghalang pembuangan sampah. Langkah lain termasuk meninjau semula kesesuaian kebuk sampah, penyediaan kemudahan yang mencukupi, penglibatan masyarakat dalam kawalan pengawasan.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

- 6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 4 NOVEMBER 2014, 10 NOVEMBER 2014 DAN 18 NOVEMBER 2014.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (51)
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (53)
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (55)

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.



**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 6 NOVEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (57)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 7 NOVEMBER 2014 DAN 18 NOVEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (70)
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (72)**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 11 NOVEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (22)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 11 NOVEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (17)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.6

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 12 NOVEMBER 2014.**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (39)]**

- 6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.

6.7

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 14 NOVEMBER 2014.**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (85)]**

- 6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan ayat seperti berikut:-

Pindaan bagi perkara 5.5.1 c) perenggan dua (2) muka surat 8 iaitu:-

- c) Beliau juga membangkitkan isu mengenai Tanah Perkuburan Hindu di seluruh Petaling Jaya dan berharap....

Pindaan bagi perkara 5.7.1 b) perenggan dua (2) muka surat 9 iaitu:-

- b) Encik Tang Fuie Koh mencadangkan supaya soft launch dilancarkan sebelum tahun 2015. Beliau juga.....

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ,
Pengarah, Jabatan Pembangunan
Kemasyarakatan, MBPJ.**

6.8

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 17 NOVEMBER 2014.**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (23)]**

- 6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan
Pembangunan, MBPJ.**

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHONG FOOK MENG**

7.1.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datin Paduka Pengerusi kerana memberi peluang kepada beliau untuk membuat ucapan penangguhan yang merupakan ucapan pertama kali dari beliau sebagai Ahli Majlis.

Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor di atas pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis, MBPJ. Dengan pelantikan ini beliau berharap agar dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya. Tidak lupa juga harapan beliau agar mendapat tunjuk ajar dan kerjasama daripada rakan-rakan Ahli Majlis dan warga kerja MBPJ.

7.1.2 Sebagai seorang Ahli Majlis beliau mempunyai beberapa KPI untuk dicapai iaitu:-

a) KPI beliau secara Mikro ialah:-

- i) Lampu Jalan harus menyala mengikut waktunya.
- ii) Lampu isyarat sentiasa berfungsi.
- iii) Jalan tidak berlubang dan sekiranya berlubang hendaklah ditampal dengan segera.
- iv) Longkang tidak tersumbat.
- v) Sampah dikutip mengikut jadual yang ditetapkan.

b) KPI secara pentadbiran Makro ialah:-

- i) Memastikan segala pembangunan di Petaling Jaya adalah pembangunan Mampan yang bakal membawa manfaat termasuk meningkatkan kualiti hidup warga bandaraya Petaling Jaya.

Sehubungan dengan itu bagi menyokong pembangunan mampan beliau akan memastikan pengurangan penggunaan kereta persendirian dan pada masa yang sama meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. Ini termasuk menaik taraf infrastruktur majlis bagi mencapai objektif di atas.



- c) KPI dari segi pentadbiran pengurusan Majlis.

Beliau akan berusaha untuk memastikan semua Ahli Majlis, Pengarah dan warga kerja MBPJ berkhidmat sebagai satu pasukan, satu keluarga dengan satu hala tuju yang sama.

Apa juga keputusan yang Ahli Majlis buat hendaklah mematuhi dan berasaskan kepada dasar-dasar dan undang-undang kecil PBT, garis panduan dan Akta-Akta Kerajaan Negeri serta Perlembagaan Negara termasuk polisi-polisi Pakatan Rakyat. Keputusan yang dibuat tidak seharusnya mendapat tekanan dari mana-mana pihak termasuk penduduk, pemaju perumahan atau pemimpin politik.

Walaubagaimanapun terdapat sesetengah keputusan Ahli Majlis akan bercanggah dengan keputusan kepimpinan negeri memandangkan Ahli Majlis tidak dibekalkan dengan maklumat tambahan atau lengkap sebagaimana Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu beliau dan Ahli Majlis yang lain menghormati keputusan pentadbiran dengan syarat tidak dipertanggungjawabkan ke atas hasil daripada keputusan tersebut.

Seterusnya harapan beliau agar sebagai sebuah pasukan, kita hendaklah kekal sebagai satu pasukan, satu suara dan sebagai PBT terulung di Malaysia walaupun berlainan pendapat.

Tindakan : Makluman.

7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH

Lanjutan dengan ucapan Encik Chong Fook Meng, sebagai satu pasukan dan sebagai seorang Ahli Majlis yang sama-sama ingin membangunkan Petaling Jaya, beliau berharap agar:-

7.2.1 Mendapat maklumat yang tepat dan lengkap terhadap semua dokumen Majlis. Sehubungan dengan itu beliau mencadangkan agar:-

a) semua kertas kerja atau dokumen yang hendak dibentangkan kepada MTES atau Kerajaan Negeri hendaklah terlebih dahulu dibentangkan kepada Ahli Majlis. Sekiranya Majlis kesuntukan masa, kertas kerja

tersebut hendaklah diedarkan kepada Ahli Majlis untuk makluman.

- b) Seorang Ahli Majlis yang mahir terhadap sesuatu topik hendaklah dipanggil semasa pembentangan bagi tujuan rujukan dan nasihat berkaitan.

YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa kebanyakkan kertas kerja yang hendak dibentangkan ke SUK adalah bertaraf SULIT atau RAHSIA seperti dokumen untuk STANCO dan MTES. Mengikut Akta Rahsia Rasmi, sebelum dokumen bertaraf RAHSIA dan SULIT itu dibentangkan maka ia tidak boleh didedahkan kepada sesiapa kecuali penyedia maklumat dan pembentang. Selain daripada itu, permohonan penyediaan dokumen oleh pihak SUK selalunya dalam tempoh yang singkat dan tiada ruang untuk majlis membentangkan perkara itu kepada Ahli Majlis.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar Ahli Majlis akan memahami situasi ini dan isu ketidakpercayaan terhadap peranan Ahli Majlis adalah tidak timbul sama sekali.

Mesyuarat turut memutuskan agar Penasihat Undang-Undang mengadakan satu taklimat berkaitan Akta Rahsia Rasmi (OSA) kepada semua Ahli Majlis, MBPJ. Taklimat tersebut hendaklah diadakan semasa Mesyuarat Majlis akan datang.

Tindakan : Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.

7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

7.3.1 Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengutarakan cadangan. Selaras dengan ucapan YBhg. Datin Paduka Pengerusi, iaitu berkaitan isu pengurusan sisa pepejal, beliau memaklumkan bahawa selama ini masalah aduan yang berbangkit adalah:-

- Sisa pepejal
- Penguatkuasaan

Sebagai contohnya di kawasan zon pemantauan beliau iaitu Kelana Jaya, masalah sisa pepejal melibatkan sampah – banjir – jalan rosak. Ini bermakna untuk menangani satu masalah sisa pepejal, perkara lain perlu diambil perhatian kerana masalah sampah yang berlonggok menyebabkan



longkang sumbat dan mengakibatkan banjir dan air banjir yang bertakung menyebabkan jalan rosak dan berlubang.

Sekiranya isu penting iaitu pengurusan sampah dapat dibuat dengan teratur maka masalah-masalah lain seperti takungan air banjir dan jalan rosak dapat diatasi.

Selain daripada itu isu longkang yang tidak dipasang gris pun boleh menyebabkan masalah banjir dan masalah ini juga mengundang kepada masalah kerosakan jalan. Sekiranya masalah ini tidak dikenalpasti maka kerja-kerja membaiki jalan akan sentiasa berjalan dan kos bertambah. Sekiranya masalah ini dapat diatasi maka dengan sendirinya masalah kerosakan jalan disebabkan banjir akan dapat diatasi.

**Tindakan : Encik Lee Lih Shyan, MBPJ,
Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran,
MBPJ,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan
Keselamatan, MBPJ.**

7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN

7.4.1 Beliau membangkitkan berkaitan pengagihan tong sampah di zon bersih yang mengundang pertanyaan daripada penduduk di zon beliau memandangkan Seksyen 52 dan SS2 terdiri daripada penduduk yang berpendapatan tinggi.

Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran memaklumkan bahawa pemberian tong sampah di kawasan zon bersih adalah salah satu daripada garis panduan zon bersih. Pengagihan tong sampah kepada penduduk akan dibuat berdasarkan keperluan.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat meminta agar pengagihan tong sampah adalah secara menyeluruh dan Jabatan Kesihatan Persekitaran diminta untuk membuat jadual pengagihan tong sampah. Pengagihan dibuat secara berperingkat.

**Tindakan : Encik Lee Lih Shyan, MBPJ,
Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran,
MBPJ.**

PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING

7.5.1 Beliau berharap agar pengagihan tong sampah adalah secara menyeluruh dan bukan sahaja kepada zon bersih.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.

7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR

7.6.1 Beliau membangkitkan arahan YAB. Dato' Menteri Besar Selangor di mana selaras dengan kepimpinan beliau, Selangor akan bersih dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh pelantikan beliau. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar dokumen-dokumen berkaitan penyelenggaraan terutama bagi kawasan PJS dipercepatkan agar projek dapat berjalan dengan segera.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SHATIRI BIN MANSOR

7.7.1 Beliau mencadangkan agar Majlis memberi keutamaan untuk menggantikan tong sampah yang hilang di sekitar Petaling Jaya.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa tong sampah yang hilang tidak akan diganti. Sehubungan dengan itu, cadangan ini boleh dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan.

**Tindakan : Encik Lee Lih Shyan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran,
MBPJ.**

PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ANG MING ERN

7.8.1 Menurut pandangan beliau, adalah lebih baik sekiranya Ahli Majlis diberi kepercayaan sepenuhnya ke atas dokumen-dokumen Majlis atau apa-apa berkaitan dengan Majlis memandangkan Ahli Majlis juga menandatangani borang integriti. Menurut beliau lagi sekiranya dokumen yang hendak dibawa kepada Kerajaan Negeri dibincang bersama Ahli Majlis, maka tahap kepercayaan orang awam terhadap Ahli Majlis adalah semakin tinggi.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar taklimat Akta Rahsia Rasmi yang akan dibentangkan oleh Unit Perundangan dipercepatkan.

Tindakan : Pengarah, Unit Perundangan , MBPJ.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.32 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.



(PUASA BIN MD TAIB),
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 25 November 2014



HADIR:

- | | | | |
|-----|---------------------------------------------------------------|---|-----------|
| 01. | YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,
Datuk Bandar, MBPJ. | - | Pengerusi |
| 02. | Tuan Puasa bin Md. Taib,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ. | | |
| 03. | Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 04. | Encik Tang Fuie Koh,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 05. | Encik Mahharul bin Ismail,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 06. | Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 07. | Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 08. | Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 09. | Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 10. | Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 11. | Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 12. | Encik Oon Chong Ling,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 13. | Encik Ang Ming Ern,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 14. | Encik Halimey bin Abu Bakar,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |



SULIT

15. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Azizi bin Ariffin,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Shatiri bin Mansor,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Mohd Alfaizal bin Amjed,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Chong Fook Meng,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Ong Kah Wee,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Tuan Ir. Lee Suet Sen, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Encik Teh Chi-Chang, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
03. Tuan Dr. Streram a/l Sinnasamy, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Puan Sia Siew Sin, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Ong Swee Long, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



SULIT

02. Puan Hajah Nik Nazli binti Nik Abdullah,
Wakil Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Puan Norzita binti Mokhtar,
Wakil Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Cik Nor Shabani binti Johari,
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.



SULIT

17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd. Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Chan Kien Fatt,
Wakil ADUN Damansara Utama.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

